

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

EAH 424/3 - KEJURUTERAAN SUNGAI


Masa : [3 jam]

Arahan Kepada Calon:-

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** (11) muka surat bercetak termasuk lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **TUJUH** (7) soalan. Jawab **LIMA** (5) soalan sahaja. Markah hanya akan dikira bagi **LIMA** (5) jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **LIMA** (5) jawapan terbaik.
3. Plot-plot khas yang diperlukan bagi calon untuk menjawab soalan ada disediakan. Penggunaan plot-plot ini adalah dibenarkan.
4. Ketumpatan nisbi bagi zarah endapan adalah 2.65, ketumpatan air ialah  $1000 \text{ kg/m}^3$ , dan kelikatan kinematik air adalah  $10^{-6} \text{ m}^2/\text{s}$ .
5. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
6. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
7. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
8. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

...2/-

1. a) Apakah konsep regim? Berikan ciri-ciri sebuah sungai bersirat. Gambar rajah 1 menunjukkan satu lakaran sebuah sungai berliku. Lakarkan keratan rentas bagi bahagian a-a dan b-b.



Satu Sungai Berliku.

Gambar rajah 1

( 6 markah)


...3/-

1. b) Senaraikan butir-butir yang diperlukan untuk kajian sungai dalam kategori berikut:


- (i) data kadar endapan
- (ii) data persekitaran

(4 markah)

c) Gambar rajah 2 menunjukkan satu ruas sungai yang stabil yang telah dirancangkan untuk kerja melurus. Apakah kesan-kesan terhadap ruas ini yang disebabkan oleh perubahan buatan tersebut? Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan kestabilan ruas ini terjamin?



(a)



Pelurusan ke atas satu sungai berliku. (b)

Gambar rajah 2

(10 markah)

...4/-

2. a) Terangkan secara ringkas dan lakarkan dengan jelas jenis-jenis bentuk dasar yang boleh terjadi dan regim aliran yang berkaitan. Senaraikan TIGA (3) kaedah empirikal untuk menentukan jenis-jenis bentuk dasar.

(10 markah)

- b) Data berikut adalah untuk satu saluran alluvium lebar:

Unit kadar alir	= $0.5 \text{ m}^3/\text{s}/\text{m}$
Cerun	= 0.0009
Taburan saiz endapan	$d_{35} = 0.30 \text{ mm}$
	$d_{50} = 0.35 \text{ mm}$
	$d_{65} = 0.41 \text{ mm}$
Ketumpatan endapan	= $2650 \text{ kg}/\text{m}^3$

Kira kedalaman aliran dengan menggunakan kaedah-kaedah Lacey dan Engelund.

(10 markah)

3. a) Senaraikan dan bincangkan secara ringkas faktor-faktor yang mempengaruhi keruk tempatan di pier atau tembok landas.

(10 markah)

- b) Satu saluran yang dalamnya 2.0 m, lebar 15 m, dengan cerun tebing 1:2 (T:D) telah dibina dari batu kerikil yang mempunyai saiz  $d_{50} = 50 \text{ mm}$ . Apakah cerun maksimum yang dibenarkan dan apakah luahan yang saluran tersebut boleh dialirkan tanpa memberi kesan kepada kestabilan saluran? Ambil  $\theta$  sebagai  $35^\circ$ .

(10 markah)

4. Reka bentuk satu saluran alluvium yang stabil untuk membawa luahan  $2100 \text{ ft}^3/\text{s}$  bagi endapan bersaiz 0.34 mm, tebing jelekit dan kepekatan endapan 200 ppm yang perlu diangkut melalui saluran tersebut. Tentukan lebar, kedalaman dan cerun saluran tersebut dengan menggunakan kaedah-kaedah Lacey, Blench dan Simons-Robertson.

(20 markah)

5. a) Terangkan dengan ringkas proses-proses yang terjadi dalam pemendapan di sungai. Andaikan dasar sungai adalah rata pada permulaannya.

(10 markah)

5. b) Data berikut merujuk kepada satu sungai alluvium:

Purata cerun permukaan air	= 0.005
Purata kedalaman air	= 4.82 m
Lebar	= 52.5 m
Purata halaju	= 2.43 m/s
Taburan saiz endapan	$d_{50}$ = 20 mm $d_{90}$ = 50 mm

Kira beban dasar dalam sungai tersebut dengan menggunakan kaedah berikut:  
Einstein-Brown dan Meyer-Peter-Muller.

(10 markah)

6. Satu sungai alluvium dengan ciri-ciri berikut meluahkan air ke dalam satu takungan yang berukuran  $20 \times 10^6 \text{ m}^3$ :

Lebar	= 10 m
Kedalaman	= 5 m
Cerun	= 1 dalam 3000
Luahan	= 87 m <sup>3</sup> /s
Saiz endapan	= 0.3 mm
Ketumpatan endapan	= 2650 kg/m <sup>3</sup>

- a) Kira kadar jumlah pengangkutan endapan dengan menggunakan kaedah Ackers-White dan Graf.

(10 markah)

- b) Tentukan masa yang diambil untuk mengurangkan kapasiti takungan kepada separuh.

(10 markah)

7. a) Senaraikan objektif kerja-kerja pembaikan sungai. ( 5 markah)

- b) Bincangkan dan lakarkan dengan jelas penggunaan lapis lindung batu dan blok simen-tanah untuk melindungi tebing sungai.


(10 markah)

- c) Apakah fungsi-fungsi daik? Lakarkan dengan jelas DUA (2) contoh penggunaan daik dalam pembaikan sungai.

( 5 markah)



ooooooo






Hubungan Rintangan Aliran Engelund.


(a) Taburan tegasan ricih di sempadan



Taburan tegasan ricih saluran trapezoid.



Hubungan tegasan rincih kritikal



Kapasiti : Nisbah aliran masuk

Kecekapan memerangkap (Brune 1953)

## 1. Persamaan Ackers - White

$$\frac{V}{\sqrt{g(S_s - 1)d}} = K(1 + JC_v)^{1/m}$$

di mana;

$$K = \text{Agr} \left[ 113 \cdot \frac{R}{d} \right]^{0.1} \cdot \frac{(R/d)(A/WeR)^{1-n} (\lambda s/8)^{n/2}}{C}^{1/m}$$

$$\text{dan } J = \left[ \frac{(R/d)(A/WeR)^{1-n} (\lambda s/8)^{n/2}}{C} \right]^{1/m}$$

Nilai-nilai n, Agr, m dan C bagi  $1 < Dgr < 60$ :

$$n = 1.00 - 0.56 \log Dgr$$

$$\text{Agr} = 0.14 + 0.23/\sqrt{Dgr}$$

$$m = 1.67 + 6.83/Dgr$$

$$\log C = -3.46 + 2.79 \log Dgr - 0.98 (\log Dgr)^2$$

## 2. Kaedah Lacey's Regime

$$V = 1.15 (f y_o)^{1/2} \quad \text{di mana } Y_o = A/T$$

$$V = \frac{1.346}{N_a} \cdot y_o^{1/4} R^{1/2} S^{1/2}$$

$$\text{di mana } f = 1.6 d^{1/2}$$

$$\text{dan } N_a = 0.0225 f^{1/4}$$

$$T = 2.67 Q^{1/2}$$

$$S = \frac{f^{5/3}}{1830 \cdot Q^{1/6}}$$

## 3. Kaedah Blench's Regime

$$B = \left( \frac{F_b}{F_s} Q \right)^{1/2}$$

$$Y_o = \left( \frac{F_s}{F_b^2} Q \right)^{1/3}$$

$$S = \frac{(F_b)^{5/6} (F_s)^{1/12} v^{1/4}}{3.63 \left( \frac{1+C}{2330} \right) g Q^{1/6}}$$

di mana;  $F_b = \frac{V^2}{y_o} = 1.9 d^{1/2}$

$$F_s = \frac{V^3}{B}$$

$$\text{dan } \frac{V^2}{g y_o S} = 3.63 \left( 1 + \frac{C}{2330} \right) \left( \frac{VB}{v} \right)^{1/4}$$

## 4. Kaedah Simons and Albertson's Regime

$$B = 2.30 Q^{0.5}$$

$$B = 0.92 T - 2.0$$

$$R = 0.44 Q^{0.36}$$

$$y_o = 1.21 R \text{ untuk } R < 7 \text{ ft.}$$

$$y_o = 2 + 0.93R \text{ untuk } R \geq 7 \text{ ft.}$$

$$V = 16 (R^2 S)^{0.33}$$